A

SHAPRI YUSSOF lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
HASSAN ABDUL GHANI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: CB-42H-13-06-2017]
6 JANUARI 2018

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 325 dibaca bersama s. 326A – Kesalahan suami (perayu) menyebabkan cedera parah ke atas isterinya – Pengakuan bersalah terhadap pertuduhan – Hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap dan denda RM6,000 jika tidak bayar enam bulan penjara dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen – Rayuan terhadap pertuduhan – Sama ada Mahkamah Sesyen gagal mempertimbangkan pengakuan bersalah perayu – Sama ada Mahkamah Sesyen gagal mengambil kira mitigasi perayu – Sama ada Mahkamah Sesyen hanya mengambil kira kepentingan awam dan gagal mengambil kira kepentingan perayu*

C

D

Semasa pengadu bertugas, beliau telah menerima satu panggilan telefon dari hospital yang memberitahu pengadu bahawa terdapat seorang perempuan Melayu ('mangsa') telah dihantar ke hospital kerana disyaki didera oleh suaminya ('perayu') dan mangsa mangalami luka di bahagian dahi sebelah kanan, mata kanan didapati bengkak dan lebam. Berikutan itu, perayu

E

ditangkap dan dipertuduh di Mahkamah Sesyen di bawah s. 325 Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama s. 326A KK. Selepas pertuduhan dibacakan kepada perayu, perayu mengaku bersalah. Mahkamah seterusnya menerangkan sifat dan akibat pengakuan salah tersebut dan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan ke atas perayu. Perayu memahami

F

penerangan mahkamah dan masih mengaku bersalah ke atas pertuduhan tersebut dan faham sifat dan akibat pengakuannya itu. Setelah meneliti mitigasi perayu, Hakim Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap dan denda RM6,000 jika tidak bayar enam bulan penjara. Terkilan, perayu telah merayu terhadap hukuman yang

G

dijatuhkan atas alasan, antara lain, bahawa Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila (i) gagal mengambil kira fakta bahawa perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan; (ii) perayu adalah pesalah pertama; (iii) gagal mengambil kira mitigasi perayu; dan (iv) hanya mengambil kira kepentingan awam dan gagal mengambil kira

H

kepentingan perayu.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Setelah meneliti penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, berasaskan alasan-alasan yang diberikan, Hakim Mahkamah Sesyen telah menggunakan akal budinya semasa menjatuhkan hukuman ke atas

I

perayu. Hukuman yang dijatuhkan bukanlah satu hukuman yang tidak masuk akal, tidak munasabah dan tidak adil kepada perayu berasaskan kepada fakta dan keadaan kesalahan dalam kes ini. Hakim Mahkamah Sesyen tidak terkhilaf apabila memberi pertimbangan utama kepada

prinsip kepentingan awam semasa menjatuhkan hukuman. Kepentingan awam menghendaki pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan keganasan rumah tangga dikenakan hukuman yang berat sebagai pengajaran kepada perayu dan sebagai peringatan kepada bakal-bakal pesalah yang lain. (perenggan 11 & 12)

(2) Hakim Mahkamah Sesyen betul bila beliau mengatakan pertimbangan utama mengenai hukuman ialah faktor kepentingan awam dan ianya perlu diimbangi dengan faktor mitigasi perayu. Justeru, adalah tidak benar apabila perayu mengatakan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tidak menimbangkan mitigasi perayu sebelum menjatuhkan hukuman. Hakim Mahkamah Sesyen juga adalah betul bila mengatakan bahawa kesalahan yang dilakukan perayu adalah satu kesalahan yang serius dan dipandang berat sehingga Parlimen menggubal suatu peruntukan khas bagi menangani masalah ini. Di bawah s. 326A KK, perayu boleh dikenakan hukuman maksima dua kali ganda iaitu 14 tahun dari hukuman asal penjara tujuh tahun yang diperuntukkan bawah s. 325 KK. (perenggan 14 & 16)

(3) Perayu telah memukul mangsa di tempat awam. Jika perayu sanggup melakukan kekerasan dan keganasan ke atas isterinya di tempat awam, adalah pasti bahawa tindakan ini tidak dapat dibendung sewaktu mangsa berada di rumah dan pastinya perayu akan menjadi lebih rakus dan ganas, gila dengan perasaan panas barannya yang tidak dapat dikawal. (perenggan 21)

(4) Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul dalam penghakimannya apabila beliau mengambil kira pernyataan impak mangsa yang diberikan mengikut s. 183A(1) Kanun Tatacara Jenayah sebelum menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Berasaskan pernyataan impak mangsa, mangsa bukan sahaja tempat di mana perayu memuaskan nafsunya, malah mangsa juga merupakan sumber ekonomi rumah tangga kerana perayu tidak bekerja dan yang paling menyedihkan adalah perayu adalah seorang penagih dadah. Mangsa juga dikatakan sejak awal perkahwinan, dilayani dengan penuh kekasaran oleh perayu (perenggan 19, 20 & 21)

(5) Perlakuan keji dan kejam tanpa batasan seperti ini mestilah dibendung dan mahkamah sebagai penjaga undang-undang mestilah memastikan pelaku-pelaku ini dijatuhkan satu hukuman yang berat yang akan menjadi mesej yang jelas kepada individu dan masyarakat dan akan menjadi amaran kepada perayu untuk tidak mengulangi perbuatan kejinya. (peranggan 27)

(6) Walau bagaimanapun, setelah meneliti fakta, mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara tujuh tahun dan denda RM6000 jika tidak bayar enam bulan penjara yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen agak berlebihan. Ini adalah kerana perayu telah mengaku salah

A di atas pertuduhan. Jika perayu didapati bersalah selepas perbicaraan, hukuman yang munasabah dan berpatutan ialah tujuh hingga sembilan tahun penjara. Oleh kerana perayu mengaku salah, hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah berlebihan. Hukuman penjara lima tahun dari tarikh tangkap adalah munasabah dan
B berpatutan. (perenggan 29 & 33)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina [1954] 1 LNS 3 HC ***(dirujuk)***

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***

C *Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC* ***(dirujuk)***

Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***

Ganesan Nachiappan & Ors v. PP [2000] 3 CLJ 302 CA ***(dirujuk)***

Iwan Bujang Dara & Anor v. PP [2017] 1 LNS 285 CA ***(dirujuk)***

Kesavan Senderan v. PP [1999] 1 CLJ 343 HC ***(dirujuk)***

Lee Yew Siong v. PP [1972] 1 LNS 71 HC ***(dirujuk)***

D *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC* ***(dirujuk)***

PP v. Karthiselvam Vengatan [2008] 1 LNS 32 HC ***(dirujuk)***

PP v. Khairuddin Hj Musa [1981] CLJ 86A; [1981] CLJ (Rep) 234 HC ***(dirujuk)***

PP v. Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 HC ***(dirujuk)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***

E *PP v. Muhari Mohd Jani & Ors [1999] 8 CLJ 430 HC* ***(dirujuk)***

PP v. Prabu Veeramuthu & Ors [2010] 8 CLJ 257 CA ***(dirujuk)***

PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***

PP v. Tia Ah Leng [2000] 5 CLJ 614 HC ***(dirujuk)***

R v. Sargent (1974) 60 Cr App R 74 ***(dirujuk)***

Saizaitumuhiddin Ab Rashid v. PP & Another Appeal [2014] 1 LNS 385 CA ***(dirujuk)***

F *Sau Soo Kim v. PP [1975] 1 LNS 158 FC* ***(dirujuk)***

Tan Bok Yeng v. PP [1972] 1 LNS 145 HC ***(dirujuk)***

Tan Kah Eng v. PP [1965] 1 LNS 179 HC ***(dirujuk)***

Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor lwn. PP [2001] 1 CLJ 645 HC ***(dirujuk)***

Tuan Mat Tuan Lonik v. PP [2009] 4 CLJ 638 CA ***(dirujuk)***

G *Wong Keng Liang v. PP [2013] 1 CLJ 96 CA* ***(dirujuk)***

Zaidon Shariff v. PP [1996] 4 CLJ 441 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 183A(1)

Penal Code, ss. 325, 326A

H *Bagi pihak perayu/tertuduh - Ahmad Nizam Hamid & Mohd Falihin Kamil Mohamed Sazali; T/n Sazali & Lim*

Bagi pihak responden - Siti Hajar Mustaffa; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Temerloh, Kes Jenayah No: CB-62-19-06-2017.]

I *Dilaporkan oleh Sandra Gabriel*

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Perayu yang merupakan seorang suami kepada mangsa telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah (1) dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 7hb Jun 2017, jam lebih kurang 2.30 petang bertempat di kawasan Stesen Minyak Petronas Songsang, Temerloh, Pahang dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah ke atas, Siti Nurul Aisyah binti Baharin No. KPT: 940521-06-5628 dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 326A Kanun Keseksaan.

[2] Pertuduhan di atas telah dibacakan dan diterangkan dengan jelas dan difahami oleh perayu. Perayu dengan sukarela telah mengaku salah di atas pertuduhan. Mahkamah seterusnya menerangkan sifat dan akibat pengakuan salah tersebut dan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan ke atas perayu. Perayu memahami penerangan mahkamah dan masih mengaku salah ke atas pertuduhan, dan faham sifat dan akibat pengakuannya itu.

[3] Perayu juga telah mengakui fakta kes dan ekshibit yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Beliau telah disabitkan di atas pertuduhan. Setelah menimbangkan mitigasi perayu, Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap 7 Jun 2017 dan denda RM6,000 kalau tak bayar enam bulan penjara.

[4] Perayu tidak berpuas hati terhadap hukuman dan memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

Petisyen Rayuan Perayu

[5] Dalam petisyen rayuannya, perayu telah mengemukakan sebanyak sepuluh alasan kenapa beliau tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut. Di antara alasan-alasan utama yang diberikan ialah:

(a) Hakim Mahkamah Sesyen khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira fakta bahawa perayu mengaku salah di atas pertuduhan;

(b) Hakim Mahkamah Sesyen khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira perayu adalah pesalah pertama;

(c) Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambil kira mitigasi perayu dan memakai guna prinsip deteren semata-mata;

(d) Hakim Mahkamah Sesyen telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila hanya mengambil kira kepentingan awam dan gagal menimbangkan kepentingan perayu terhadap keluarganya; dan

(e) Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menjatuhkan hukuman yang berat dan berlebihan.

Fakta Kes

[6] Secara ringkas fakta kes adalah seperti berikut. Pada 7 Jun 2017 jam lebih kurang 4.10 petang, semasa pengadu bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Temerloh bersama Kpl. 165794 telah terima panggilan telefon daripada Doktor Nor Afidah binti Hamzah dari Unit Kecemasan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh (HOSHAS) memberitahu ada 1 (P) Melayu bernama Siti Nurul Aisyah binti Baharin telah dihantar oleh pihak JPAM disyaki didera oleh suaminya (perayu) dan mangsa mengalami luka di bahagian dahi sebelah kanan, mata kanan didapati bengkak dan lebam.

Pada 7 Jun 2017 jam lebih kurang 6 petang, Insp Muhammad Faizal bin Md Dali bersama anggotanya telah menangkap tertuduh di rumah tidak bernombor di Mentakab Sawmill Temerloh.

Di antara ekshibit-ekshibit yang dikemukakan ialah tiga keping gambar kecederaan mangsa, P5 A-C, laporan awal pemeriksaan ke atas mangsa, P8 dan satu surat rujukan daripada HOSHAS Temerloh berkaitan kecederaan mangsa, P9.

Penghujahan Peguam Cara Perayu

[7] Peguam cara perayu berhujah Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman yang tidak setimpal dan/atau sepadan ke atas perayu setelah gagal untuk memberi pertimbangan ke atas faktor-faktor berikut:

(i) Pengakuan salah perayu adalah satu faktor mitigasi penting yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah. Beliau telah merujuk kepada kes *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158; [1975] 2 MLJ 134.

(ii) Perayu merupakan seorang pesalah pertama dengan merujuk kes *PP v. Karthiselvam Vengatan* [2008] 1 LNS 32 dan *Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina* [1954] 1 LNS 3; [1954] MLJ 86.

(iii) Perayu telah memukul isterinya tanpa sengaja.

(iv) Peguam perayu mengatakan mahkamah tidak menimbangkan kepentingan perayu dan hanya mengambil kira prinsip kepentingan awam, *Kesavan Senderan v. PP* [1999] 1 CLJ 343, *Lee Yew Siong v. PP* [1972] 1 LNS 71; [1973] 1 MLJ 37.

(v) Perayu harus diberi peluang untuk berubah. Tempoh pemenjaraan yang panjang akan menghalang perayu untuk membina sebuah keluarga yang bahagia, kehilangan peluang untuk menjadi suami yang sepatutnya menyara keluarga dan anak perayu telah kehilangan kasih sayang bagi tempoh yang lama.

Penghujahan TPR/Responden

[8] TPR berhujah Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman yang setimpal/sepadan ke atas perayu setelah mempertimbangkan faktor-faktor berikut:

(i) Kepentingan awam harus dilindungi. Justeru satu hukuman bersifat deteren perlu dijatuhkan dengan merujuk kes *PP v. Tia Ah Leng* [2000] 5 CLJ 614, *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256, *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116; [1976] 2 MLJ 186 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85. Jika hukuman ringan dijatuhkan ianya gagal mengambil kira prinsip kepentingan awam.

(ii) Kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga bagi pasangan suami isteri dianggap serius. Seksyen 326A Kanun Keseksaan telah digubal oleh Parlimen bagi melindungi dan mencegah mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dari ditindas dan diperlaku tanpa perikemanusiaan oleh pasangan masing-masing. Jika keadaan yang serius ini tidak diambil kira, mahkamah dikira tidak melaksanakan tugas kehakimannya dengan jujur, *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*).

(iii) Pengakuan salah bukan penentu hukuman diringankan, *PP v. Tia Ah Leng* (*supra*), *PP v. Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683.

(iv) Kes-kes melibatkan keganasan rumah tangga berleluasa. Hukuman berat patut dijatuhkan untuk menghalang kesalahan ini berulang dan berlaku.

(v) Pernyataan impak mangsa, P11 membuktikan kejadian ini bukan kali pertama berlaku ke atas mangsa malah ianya berlaku sejak awal perkahwinan. Mangsa berasa takut, trauma dan tidak selamat untuk tinggal dengan suaminya. Perayu tidak pernah bekerja dan merupakan seorang penagih dadah. Mangsa sendiri memohon perayu dikenakan hukuman penjara yang panjang.

Dapatan Mahkamah

[9] Kuasa penghukuman adalah terletak di atas budi bicara mahkamah yang membicarakan sesuatu kes. Mahkamah tersebut mempunyai hak dan tanggungjawab sama ada akan bersikap lembut atau keras, tetapi budi bicara tersebut hendaklah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip penilaian hukuman yang telah diterima pakai selama ini, *PP v. Khairuddin Hj Musa* [1981] CLJ 86A; [1981] CLJ (Rep) 234; [1982] 1 MLJ 331, *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441; [1996] MLJU 159, *Ganesan Nachiappan & Ors v. PP* [2000] 3 CLJ 302; [2000] 3 AMR 2621. Oleh sebab itu nas-nas undang-undang memutuskan mahkamah yang mendengar rayuan kebiasaannya tidak akan mengubah atau mengganggu sesuatu hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim bicara kecuali hukuman tersebut salah dari segi undang-undang atau ianya terlalu berlebihan atau terlalu tidak mencukupi berasaskan kepada

fakta dan keadaan kes. Prinsip ini ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457, di mana Mohamed Dzaidin CJ memutuskan seperti yang berikut:

> ... It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence, see *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102.

[10] Adalah juga menjadi undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan meminda sesuatu hukuman hanya disebabkan mereka mungkin menjatuhkan suatu hukuman yang berlainan. Dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. PP* [1981] 1 LNS 139 Mahkamah Persekutuan mengatakan seperti yang berikut:

> Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed different sentence is not sufficient, *per se*, to warrant this court's interference.

[11] Mahkamah telah meneliti penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen. Berasaskan kepada alasan-alasan yang diberikan mahkamah percaya beliau telah menggunakan akal budinya semasa menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Hukuman yang telah dijatuhkan bukanlah satu hukuman yang tidak masuk akal, tidak munasabah dan tidak adil kepada perayu berasaskan kepada fakta dan keadaan kesalahan dalam kes ini, *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* [2009] 4 CLJ 638.

[12] Setelah meneliti alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah tidak ragu-ragu untuk menyatakan beliau tidak khilaf apabila memberi pertimbangan utama kepada prinsip kepentingan awam semasa menjatuhkan hukuman. Kepentingan awam menghendaki pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan keganasan rumah tangga dikenakan hukuman yang berat sebagai pengajaran kepada perayu dan sebagai peringatan kepada bakal-bakal pesalah yang lain supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama.

[13] Dalam kes *Tan Bok Yeng v. PP* [1972] 1 LNS 145; [1972] 1 MLJ 214 Sharma J memutuskan seperti yang berikut:

> It is not merely the correction of the offender which is the prime object of punishment. The considerations of public interest have also to be borne in mind. In certain type of offences a sentence has got to be deterrent so that others who are like-minded may be restrained from becoming a menace to society.

[14] Dalam penghakimannya Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul bila beliau mengatakan pertimbangan utama mengenai hukuman ialah faktor kepentingan awam dan ianya perlu diimbangi dengan faktor mitigasi perayu. Justeru adalah tidak benar apabila peguam cara perayu mengatakan Hakim Mahkamah Sesyen telah tidak mempertimbangkan mitigasi perayu sebelum menjatuhkan hukuman. Sebagai panduan penghukuman, beliau telah merujuk kepada kes *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*).

[15] Hakim Mahkamah Sesyen sedar walaupun undang-undang memberikan budi bicara kepadanya untuk menjatuhkan hukuman tetapi ianya perlu dilaksanakan secara adil dan saksama, *Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor lwn. PP* [2001] 1 CLJ 645.

[16] Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul bila ia mengatakan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah satu kesalahan yang serius dan dipandang berat oleh Parlimen sehingga memaksa Parlimen menggubal suatu peruntukan khas bagi menangani kesalahan ini. Di bawah s. 326A KK, perayu boleh dikenakan hukuman maksima dua kali ganda iaitu 14 tahun dari hukuman asal penjara tujuh tahun yang diperuntukkan di bawah s. 325 KK.

[17] Dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*), Hashim Yeop Sani J telah menjejaki pindaan-pindaan yang dibuat oleh Parlimen di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang menurutnya mencerminkan niat badan perundangan untuk mengawal penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat. Beliau mengatakan pindaan ini mencerminkan polisi awam demi kepentingan awam.

[18] Dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*) mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> The change in the attitude of the legistlature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem. In my view the courts will not be performing their functions honestly if the seriousness of the situation is not reflected in the sentence imposed or if the sentence appears to defeat the object of the statute.

[19] Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul dalam penghakimannya apabila beliau telah mengambil kira penyataan impak mangsa, P11 yang diberikan mengikut s. 183A(1) Kanun Tatacara Jenayah sebelum menjatuhkan hukuman ke atas perayu. Dalam kes *Iwan Bujang Dara & Anor v. PP* [2017] 1 LNS 285 Mahkamah Rayuan telah merujuk kepada penyataan impak mangsa semasa menolak rayuan perayu terhadap hukuman dan mengekalkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.

[20] Berkait dengan rayuan perayu bahawa tempoh pemenjaraan yang panjang akan menghalang peluang perayu untuk berubah menjadi suami yang bertanggungjawab kepada isteri dan anaknya, mahkamah berpendapat berasaskan kepada fakta dan keadaan kesalahan kes ini adalah wajar Hakim Mahkamah Sesyen memberi pertimbangan yang paling minima ke atas

rayuan perayu memandangkan perayu sepatutnya telah memikirkan kesan dan akibat daripada perbuatannya sebelum melakukan jenayah tersebut, *PP v. Teh Ah Cheng* (*supra*), *Saizaitumuhiddin Ab Rashid v. PP & Another Appeal* [2014] 1 LNS 385. Mangsa bolehlah dikatakan sebagai seorang isteri yang malang. Berasaskan kepada penyatan impak mangsa, beliau bukan hanya tempat perayu memuaskan nafsunya tetapi mangsa juga merupakan sumber ekonomi rumah tangga mereka kerana perayu tidak bekerja. Yang paling menyedihkan ialah perayu ialah seorang penagih dadah. Bahkan mangsa sendiri dalam penyataan impak mangsa mengharapkan agar mahkamah menjatuhkan hukuman penjara yang panjang ke atas perayu. Oleh sebab itu, adalah tidak benar apabila peguam cara mengatakan Hakim Mahkamah Sesyen tidak mengambil kira kepentingan perayu terhadap diri dan keluarganya.

[21] Di sebalik statusnya sebagai seorang isteri yang sepatutnya disayangi dan dilindungi, perayu telah bertindak ganas dengan memukul isterinya. Kesalahan perayu menjadi bertambah parah dan tidak boleh dimaafkan kerana dia sanggup memukul isterinya di tempat awam. Pada pendapat mahkamah jika perayu sanggup melakukan kekerasan dan keganasan ke atas isterinya di tempat awam, mahkamah pasti tindakan itu tidak akan dapat dibendung sewaktu mangsa bersama isterinya berada di rumah. Mahkamah pasti di rumah mereka, perayu akan menjadi lebih rakus dan ganas, gila dengan perasaan panas barannya yang tidak dapat dikawal. Perihal itulah juga yang diberitahu oleh mangsa di dalam penyataan impak mangsa di mana mangsa mengatakan semenjak dari awal perkahwinan lagi beliau telah dilayan dengan penuh kekasaran oleh suaminya.

[22] Kesalahan perayu juga tidak boleh dimaafkan kerana isterinya baru sahaja melahirkan bayi hasil zuriat perayu sendiri tiga bulan sebelum kejadian. Alangkah malangnya seorang isteri yang bernama Siti Nurul Aisyah binti Baharin kerana setelah baru sahaja menyabung nyawa untuk melahirkan seorang bayi, beliau telah diperlakukan sebegitu rupa oleh seorang yang memegang gelaran suami kepada dirinya dan ayah kepada anaknya. Dimanakah letaknya perasaan simpati perayu kepada mangsa jika pun beliau tidak menyayanginya. Tidak adakah sekelumit rasa simpati perayu kepada isterinya. Tidak adakah sekelumit rasa kasihan dan malu sehingga dia sanggup melakukan perbuatan yang sebegitu kepada isterinya di hadapan orang ramai. Jika beliau tidak mahu menjaga aibnya, jagalah maruah seorang isteri dan keluarga mertuanya.

[23] Mahkamah tidak fikir sesiapa sahaja yang melihat perbuatan perayu akan bersetuju dengan tindakannya. Mahkamah pasti sesiapa sahaja yang melihat kejadian itu akan bersimpati dengan mangsa. Mahkamah pasti perbuatan jijik dan keji perayu ini tidak dapat diterima oleh masyarakat. Kenapa harus bersimpati dengan perayu, sedangkan daripada fakta tidak menunjukkan mangsa cuba melawan apabila dia dilakukan sebegitu oleh perayu.

[24] Mahkamah berpendapat cara bagaimana kesalahan itu dilakukan ke atas mangsa adalah sangat serius, sangat kejam dan dilaknati. Perbuatan yang dilakukan oleh perayu ke atas mangsa patut diberikan kutukan yang sangat kuat. Tidak ada provokasi daripada mangsa. Ianya adalah kes yang amat sesuai untuk mahkamah memberi keutamaan kepada prinsip kepentingan awam berbanding dengan kepentingan perayu, *PP v. Prabu Veeramuthu & Ors* [2010] 8 CLJ 257. Adalah amat sesuai perayu dikenakan hukuman penjara yang panjang kerana mangsa juga harus dilindungi.

[25] Perayu telah memecahkan amanah yang diletakkan di atas bahunya oleh keluarga isterinya yang telah melepaskan dan membenarkan anaknya berkahwin dengan perayu. Sebagai seorang suami yang diamanahkan untuk menjaga isterinya perayu sepatutnya menerima tanggungjawab dan amanah itu dengan sempurna dan penuh komitmen agar kehidupan rumah tangga mereka akan bahagia namun perayu memilih untuk mengkhianati amanah tersebut. Bagaimana mangsa akan merasa bahagia selama melayari bahtera perkahwinan dengan perayu jika perayu asyik memukulnya hingga mendatangkan kecederaan kepada mangsa. Perbuatan perayu adalah satu perbuatan yang sangat terkutuk dan dilaknati. Justeru, sewajarnya beliau dikenakan hukuman yang berat.

[26] Dalam kes *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* (*supra*) Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

> [21] The appellant is the authority in the household, and every member of the family would inevitably look up to him, not only for guidance, but also protection. Unfortunately the trust was betrayed when he took advantage of his power of strength by regularly forcing himself on the victim.

[27] Perlakuan keji dan kejam tanpa batasan seperti ini mestilah dibendung dan mahkamah sebagai penjaga undang-undang mestilah memastikan pelaku-pelaku ini dijatuhkan satu hukuman yang berat. Hukuman yang berat akan menjadi mesej yang jelas kepada individu dan masyarakat dan diharap ianya akan membendung dan mengurangkan perlakuan keganasan rumah tangga pada masa akan datang, *Tan Bok Yeng v. PP* (*supra*) dan menjadi amaran kepada perayu untuk tidak mengulangi perbuatan kejinya, *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*). Hukuman yang berat juga akan menggambarkan kebencian masyarakat terhadap pelaku-pelaku ini. Dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430; [1996] 3 MLJ 116, 447 (CLJ); 133 (MLJ) YA Hakim KC Vohrah mengatakan:

> ... It is that society through the courts must show the abhorrence of particular types of crime, and the only way in which they, the courts, can do this is by the sentence they pass.

[28] Dalam kes *R v. Sargeant* (1974) 60 Cr App R 74, Lawton LJ menyatakan:

> There is however, another aspect of retribution which is overlooked: it is that society through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime and the only way of which they, the courts can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

[29] Walau bagaimanapun, setelah meneliti keseluruhan fakta, mahkamah berpendapat hukuman penjara tujuh tahun dan denda RM6,000 jika tidak bayar enam bulan penjara yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen agak berlebihan. Ini adalah kerana perayu telah mengaku salah di atas pertuduhan.

[30] Dalam kes *Wong Keng Liang v. PP* [2013] 1 CLJ 96; [2013] 4 MLJ 263 Mahkamah Rayuan mengatakan:

> [12] It is trite law that accused's guilty plea is a mitigating factor; see *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 2 MLJ 134 per Lee Hun Hoe J (B); *Melvani v. PP* [1971] 1 MLJ 137; [1971] 1 LNS 78 per Wee Chong Jin CJ (Singapore) (as then was) who also considered 'first offender' as another mitigating factor, as has been done by Mohamed Azmi J (later FCJ) in *PP v. Jafa Daud* [1981] 1 MLJ 315.
>
> [13] Generally, the accused's guilty plea also allows the court to exercise the discretion to give a discount or reduction of one-quarter or one-third of the sentence which would have been imposed after a full trial: *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1988] 1 MLJ 167, as followed in *PP v. Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45.

[31] Dalam kes *Sau Soo Kim v. PP* (*supra*) Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

> That whether a person is a hardened criminal or not, plea of guity should be treated as mitigating factor.

[32] Dalam kes *Zaidon Sharif v. PP* (*supra*), Augustine Paul JC (pada ketika itu) memutuskan:

> A plea of guilty is a mitigating factor as it is not only saves the country a great expense of a lengthy trial but also saves time and convenience of many, particularly the witnesses. It is an accepted rule of practice that an accused should be given credit or discount for pleading guilty.

[33] Begitu juga barangkali sesuai untuk dinyatakan dan diulangi di sini ialah mengikut kes *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209; [1988] 1 MLJ 167 budi bicara diskaun itu berasaskan kepada hukuman yang akan dijatuhkan oleh mahkamah jika perayu didapati bersalah selepas perbicaraan. Dalam kes ini mahkamah berpendapat jika perayu didapati bersalah selepas perbicaraan berasaskan kepada fakta dan keadaan kesalahan dalam kes ini hukuman yang munasabah dan berpatutan

ialah 7 hingga 9 tahun penjara. Oleh kerana perayu telah mengaku salah, mahkamah berpendapat hukuman penjara selama tujuh tahun dari tarikh tangkap 7 Jun 2017 dan denda RM6,000 jika tidak bayar enam bulan penjara adalah berlebihan. Mahkamah berpendapat hukuman penjara lima tahun dari tarikh tangkap 7 Jun 2017 adalah munasabah dan berpatutan.

[34] Mahkamah berpendapat hukuman denda yang dikenakan adalah tidak munasabah memandangkan perayu sendiri tidak bekerja dan tidak mempunyai sumber pendapatan untuk membayar denda tersebut. Tambahan pula hukuman lima tahun penjara sudah mencukupi untuk membentuk perayu menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat.

[35] Dalam kes *Tan Kah Eng v. PP* [1965] 1 LNS 179; [1965] 2 MLJ 272, Ambrose J memutuskan seperti yang berikut:

> A fine should always be related to the means of the offender. The imposition of a fine beyond the appellant's means or six months' imprisonment in default of payment was tantamount to sentencing the appellant to six months' imprisonment without the option of a fine.

Konklusi

[36] Berasaskan kepada penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, mahkamah berpendapat beliau hanya memberikan pertimbangan yang sangat minima ke atas pengakuan salah perayu. Walau sejahat manapun perayu, pengakuan salah adalah salah satu faktor mitigasi yang seharusnya dipertimbangkan oleh mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman. Tambahan pula ini merupakan kesalahan pertama perayu dituduh di mahkamah seperti yang disahkan oleh TPR. Tidak ada rekod sabitan lalu perayu dikemukakan di mahkamah. Justeru mahkamah telah membenarkan rayuan perayu. Hukuman Hakim Mahkamah Sesyen diketepikan.